

Generasi muda mahu Barisan Nasional memerintah

Utusan Online

12 April, 2013

MELAKA 11 April - Generasi muda meletakkan harapan tinggi kepada Barisan nasional (BN) untuk mengekalkan tampuk pemerintahan bagi memastikan golongan itu terus dibela.

Malah, mereka juga percaya hanya pemerintahan kerajaan BN mampu menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan bagi setiap peringkat masyarakat terutamanya untuk generasi muda di negeri ini.

Belia, **Nurul Fizatul Mihad**, 22, berkata, dia mahu BN terus mentadbir negeri ini kerana kerajaan memerintah sebelum ini banyak memberi peluang dan membela golongan muda.

"Semua janji yang dinyatakan kerajaan sudah mereka tepati bagi manfaat semua pihak dan lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama serta fahaman politik.

"Oleh itu, saya berasa sangat teruja untuk mengundi tahun ini dan peluang ini tidak akan disia-siakan bagi membuktikan kesetiaan kepada pemimpin yang mampu membawa kemajuan kepada negara," katanya ketika ditemui di Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini baru-baru ini.

Sementara itu, penuntut Universiti Multimedia (MMU), **Shaharin Shah Abdul Gany**, 23, berkata, golongan muda di negara ini perlu lebih bersyukur atas pelbagai kemudahan dan pengiktirafan yang diberikan kerajaan BN.

"Pelbagai kemudahan dan bantuan disediakan dalam bidang pelajaran mahupun perniagaan bagi membantu belia yang jelas membuktikan kerajaan amat prihatin dengan kehendak golongan seperti kami.

"Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi golongan bujang, Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) dan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) antara bukti keprihatinan kerajaan yang tidak mungkin mampu dilaksanakan pembangkang jika mereka mentadbir negara," ujarinya.

Bagi **Wan Zaleha Abdul Wahab**, 23, pula, dia melihat kerajaan hari ini sangat proaktif berdepan dakyah pembangkang bagi memastikan generasi muda tidak terpedaya dengan helah merosakkan masa depan negara.

"Pembangkang hanya tahu mengkritik kerajaan dan mencari salah kerajaan dengan menghasut pemikiran belia.

"Ternyata usaha pembangkang itu tidak berhasil dan golongan belia dapat menilai sendiri siapa yang perlu dipilih bagi menjamin kesejahteraan masa depan mereka di negara ini," katanya penuntut MMU itu.

Tambahnya, dia akan membuktikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN dengan menunaikan tanggungjawab mengundi buat kali pertama tidak lama lagi.

"Sudah pasti saya tidak akan membuat pilihan salah dengan memperjudikan masa depan golongan muda kepada pembangkang. Hanya kerajaan BN yang layak memimpin negara tercinta ini," katanya yang berasal dari Air Itam, Pulau Pinang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_34/Generasi-muda--mahu-Barisan-Nasional-memerintah#ixzz2a0JTgtpQ